

**PERADUAN BELI & MENANG KEMPEN “BERSAHUR BERSAMA SERI-AJI®”
TERMA DAN SYARAT**

A: Jadual Syarat Penyertaan	
Penganjur	Ajinomoto (Malaysia) Bhd. (4295-W) Lot L1-E-5A and L1-E-5B, Technology Park Malaysia Enterprise, 4, Lebuhraya Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
Peraduan	PERADUAN BELI & MENANG KEMPEN “BERSAHUR BERSAMA SERI-AJI®”
Tempoh Peraduan	<p>Peraduan akan berlangsung dari 1 Februari 2025 pada 00:00:00 hingga 11 April 2025 pada 23:59:59 (“Tempoh Peraduan”). Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan tidak diterima atau dikecualikan daripada Peraduan, dan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p><u>Tempoh Mingguan Peraduan:</u> Minggu 1: 1 Feb 2025 00:00:00 - 8 Feb 2025 23:59:59 Minggu 2: 9 Feb 2025 00:00:00 - 15 Feb 2025 23:59:59 Minggu 3: 16 Feb 2025 00:00:00 - 22 Feb 2025 23:59:59 Minggu 4: 23 Feb 2025 00:00:00 - 1 Mac 2025 23:59:59 Minggu 5: 2 Mac 2025 00:00:00 - 8 Mac 2025 23:59:59 Minggu 6: 9 Mac 2025 00:00:00 - 15 Mac 2025 23:59:59 Minggu 7: 16 Mac 2025 00:00:00 - 22 Mac 2025 23:59:59 Minggu 8: 23 Mar 2025 00:00:00 - 29 Mar 2025 23:59:59 Minggu 9: 30 Mar 2025 00:00:00 - 5 Apr 2025 23:59:59 Minggu 10: 6 Apr 2025 00:00:00 - 11 Apr 2025 23:59:59</p> <p><u>Pengumuman Dwi-mingguan bagi Pemenang Hadiah Mingguan:</u> Minggu 1 & 2: 19 Februari 2025 (Jumaat) Minggu 3 & 4: 6 Mac 2025 (Jumaat) Minggu 5 & 6: 20 Mac 2025 (Jumaat) Minggu 7 & 8: 4 April 2025 (Jumaat) Minggu 9 & 10: 16 April 2025 (Jumaat)</p> <p><u>Pengumuman Pemenang Hadiah Utama:</u> 18 April 2025 (Jumaat)</p> <p>*Pemenang hadiah mingguan akan dipilih berdasarkan setiap penyertaan dalam Tempoh Peraduan Mingguan di atas.</p>

<p>Kelayakan</p>	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan kad pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) pada 1 Februari 2025 untuk setiap "Peserta" dan secara kolektif, "Peserta"). Pihak Penganjur berhak meminta dokumen pengenalan diri sebagai bukti dan tujuan pengesahan identiti Peserta.</p> <p>Kumpulan yang tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p> <p>(a) Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka);</p> <p>(b) Kakitangan agensi Penganjur yang dikaitkan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).</p>
<p>Cara Penyertaan</p>	<p>LANGKAH 1 – BELI Beli mana-mana produk Seri-Aji® berjumlah RM 8 dan ke atas dalam 1 resit (termasuk 2 pek Perencah Seri-Aji® Nasi Goreng).</p> <p>LANGKAH 2 – SERTAI Hantarkan penyertaan berserta gambar resit melalui smartcooking.com.my atau WhatsApp ke +6016-363 0118</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Peserta perlu menyimpan resit pembelian asal untuk tujuan pengesahan pemenang dan penebusan hadiah. ● Semua pembelian mestilah dibuat dalam Tempoh Peraduan. Sebarang pembelian yang dibuat sebelum atau selepas Tempoh Peraduan tidak diambil kira. ● Semua peserta dikehendaki memberikan butiran seperti di bawah semasa penyerahan penyertaan:- <ol style="list-style-type: none"> a. Nama Penuh mengikut I/C b. Nombor MyKad/MyPR (4 angka terakhir) c. Resit/Invois Pembelian Rasmi sebagai bukti (Resit tulisan tangan tidak diterima) ● Jenis resit yang diterima termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ○ Resit fizikal dicetak daripada kedai. ○ E-resit (invois) daripada pembelian dalam talian di Laman Web Ajinomoto Smart Cooking, Ajinomoto Malaysia Shopee Official Store, Ajinomoto Malaysia Lazada Official Store, Foodpanda, Grab Mart, Potboy, AEON Online, Lotus's Online sahaja. <p>Laman Web Ajinomoto Smart Cooking: https://smartcooking.com.my/en/products/</p> <p>Ajinomoto Malaysia Shopee Official Store: https://shopee.com.my/ajinomoto.os</p> <p>Ajinomoto Malaysia Lazada Official Store: https://www.lazada.com.my/shop/ajinomoto16277959</p>

[53/](#)

- Maklumat berikut mesti dipaparkan dengan jelas pada resit/invois pembelian:
 - Produk Dibeli & Harga
 - Tarikh & Masa Pembelian
 - Nama Kedai
 - Nombor Resit / Invois
 - Alamat Penghantaran (Untuk Pembelian Dalam Talian)
- Setiap pembelian produk Seri-Aji® bernilai RM 8 (termasuk 2 pek perencah Seri-Aji® Nasi Goreng) dalam satu resit akan dikira sebagai satu (1) penyertaan.
- Pembelian yang tidak memenuhi syarat RM8 (Cth: RM7.99) tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
- Setiap resit layak untuk digunakan sekali sahaja. Penyertaan menggunakan resit yang sama berulang kali akan dibatalkan.
- Tiada had bilangan penyertaan peraduan yang boleh dihantar dalam Tempoh Peraduan, dengan syarat Nilai Minimum dipenuhi.

Tarikh Akhir Penyertaan	Semua penyertaan perlu diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 11 April 2025
Hadiah Peraduan	Terdapat sejumlah seratus enam puluh tiga (163) hadiah untuk dimenangi:- <ul style="list-style-type: none">● Hadiah Utama: 5g Jongkong Emas 999.9 x 3 pemenang● Hadiah Mingguan: Kredit Touch'n Go RM50 x 16 pemenang x 10 minggu

<p>Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang</p>	<p>Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke nombor WhatsApp rasmi peraduan yang disediakan atau melalui laman web smartcooking.com.my. ● Pemenang akan dipilih secara rawak mengikut budi bicara pihak Penganjur, dengan syarat memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam Kaedah Penyertaan. ● SATU (1) Peserta dengan SATU (1) nombor I/C layak untuk SATU (1) penebusan hadiah sahaja. ● Semua penyertaan mestilah lengkap dan mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan terbatal secara automatik. ● Sekiranya terdapat resit yang sama dihantar oleh 2 peserta/nombor WhatsApp yang berbeza, Penganjur hanya akan merekodkan penebusan pertama yang layak berdasarkan masa penyerahan. Penyerahan resit yang sama oleh peserta kedua akan dianggap tidak sah. <p>Komunikasi dengan Pemenang</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi oleh Penganjur melalui nombor WhatsApp dan dikehendaki menjawab soalan am dengan betul sebelum layak menjadi pemenang. ● Jika pemenang tidak dapat dihubungi dalam masa 2 hari, Penganjur berhak untuk membatalkan kemenangan dan menggantikan dengan pemenang lain. ● Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab. ● Keputusan Penganjur adalah muktamad, dan sebarang rayuan, komunikasi atau surat-menyurat lain berkenaan keputusan tersebut tidak akan dilayan oleh Penganjur. <p>Pengumuman Pemenang</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Semua pemenang akan diumumkan di Halaman Facebook Ajinomoto MY Foodie (https://www.facebook.com/ajinomotomyfoodie) dan Halaman Instagram (https://www.instagram.com/ajinomotomy_foodie/) ● Pemenang mingguan akan diumumkan setiap dua minggu. ● Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas Tempoh Peraduan berakhir.
--	--

Penghantaran Hadiah	<p>Hadiah Mingguan:</p> <ul style="list-style-type: none">● Pemenang Hadiah Mingguan akan menerima Kredit Touch 'n Go eWallet terus dalam akaun eWallet mereka yang diberikan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas pengesahan butiran peribadi pemenang melalui WhatsApp. Jika sebarang kelewatan dalam penghantaran berlaku disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka atau sebarang situasi di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak untuk mengatur penghantaran hadiah kepada Pemenang Peraduan dalam sebarang cara yang sesuai.● Pemenang Hadiah Mingguan perlu memberikan nombor telefon yang telah didaftarkan dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet. Penganjur berhak untuk menarik balik hadiah jika kredit Touch 'n Go eWallet tidak dapat dikreditkan kerana isu dari pihak pemenang (seperti: nombor telefon bimbit yang diberikan tidak didaftarkan dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet, nama peserta tidak sama seperti nama dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet, dan lain-lain).● Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang Hadiah Mingguan tidak menerima kredit Touch 'n Go kerana kecuaiian pemenang, termasuk tetapi tidak terhad kepada: pemenang memberikan nombor telefon bimbit yang salah, nombor telefon bimbit yang diberikan tidak didaftarkan dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet, dan lain-lain. <p>Hadiah Utama:</p> <ul style="list-style-type: none">● Setelah pengesahan berjaya, semua Hadiah akan dihantar ke alamat penghantaran yang diberikan oleh pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas pengumuman pemenang. Penganjur berhak sepenuhnya untuk melanjutkan tempoh tersebut sekiranya dianggap perlu.● Walaupun Penganjur akan mengambil langkah jaga-jaga yang bersesuaian dalam penghantaran Hadiah, Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kegagalan atau kelewatan penerimaan, atau kerosakan pada Hadiah dalam proses penghantaran kepada pemenang. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.● Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan semasa penebusan hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), pos, dan semua caj lain serta perbelanjaan luar poket yang mungkin ditanggung oleh peserta berkaitan dengan Penebusan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta. Sebarang permintaan atau pertanyaan bertulis hendaklah dialamatkan kepada Khidmat Pelanggan Penganjur melalui WhatsApp di nombor +6016 925 5660.
----------------------------	--

**Inisiatif Sumbangan
Tanggungjawab
Sosial Korporat
(CSR)**

Mekanisme Derma

i. Penyertaan Peraduan Beli & Menang

- Bagi setiap penyertaan sah yang dihantar ke Peraduan Beli & Menang Bersahur Bersama Seri-Aji®, Seri-Aji® akan menderma RM1 kepada organisasi amal yang ditetapkan.
- Penyertaan yang sah ditakrifkan sebagai penyerahan yang lengkap mematuhi semua syarat penyertaan peraduan.

ii. Nombor Kongsi pada Konten Pempengaruh di Media Sosial

- Setiap kongsi ("*shares*") pada konten Pempengaruh ("*Influencer*") di media sosial (khususnya pada Facebook, Instagram dan TikTok), Seri-Aji® akan menderma RM1 kepada organisasi amal yang ditetapkan.
- Berikut adalah senarai pempengaruh yang akan siarkan konten bersama produk perencah Seri-Aji® Nasi Goreng semasa tempoh peraduan berlangsung:
 - @chesayangkitchen
 - @lilysuryanimohd
 - @pn_nurul_
 - @soyabelacan
 - @thecookwife
 - @hazwan.rl
 - @_thasyaa
 - @anne_osman
 - @halizajeran
 - @fienazshafie
 - @wanmarina12
 - @qaseyhoney2011
 - @emaalinda
 - @dapurkakemma

Jumlah Derma

- Jumlah derma dibawah inisiatif ini dihadkan pada RM10,000.
- Setelah had dicapai, tiada sumbangan tambahan akan dibuat dan bilangan penyertaan tambahan yang diterima tidak akan dikira.

Tempoh Kempen

- Inisiatif CSR ini hanya sah semasa tempoh kempen, seperti yang dinyatakan dalam "Tempoh Peraduan".
- Penyertaan yang diterima selepas tempoh kempen tidak akan menyumbang kepada pengiraan derma.

Jumlah Derma dan Organisasi

- Jumlah derma akhir akan didedahkan kepada umum pada penghujung kempen, bersama-sama dengan butiran organisasi benefisiari.

Hak Penganjur

- Seri-Aji® berhak untuk mengubah suai atau menamatkan inisiatif ini pada bila-bila masa, tertakluk kepada notis yang munasabah kepada peserta.
- Sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka, Seri-Aji® berhak untuk mengalihkan derma kepada organisasi amal alternatif.

--	--

Jadual kepada Syarat-Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan, secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”, dan akan diaplikasi kepada semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah bagi peserta bawah umur) yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”, atau “anda”).

B: Syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual kepada Syarat-Syarat Penyertaan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Syarat Penyertaan dan Jadual kepada Syarat Penyertaan, Jadual kepada Syarat Penyertaan akan diutamakan. Syarat Penyertaan dan Jadual kepada Syarat Penyertaan akan secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap istilah yang diberi definisi dalam Jadual kepada Syarat Penyertaan akan mempunyai maksud yang sama seperti yang digunakan di sini, sama ada dalam bentuk tunggal atau jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak sepenuhnya, tanpa notis terlebih dahulu dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak, untuk mengubah Terma dan Syarat pada bila-bila masa termasuk menukar Tempoh Peraduan, menggantikan Hadiah, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Peraduan akan dianggap sebagai persetujuan terhadap Terma dan Syarat (seperti diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara berkaitan Peraduan, termasuk penilaian dan pemilihan pemenang adalah muktamad, terikat, dan konklusif kepada semua Peserta. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan menghantar penyertaan ke Peraduan, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), pos, dan semua caj lain serta perbelanjaan luar poket, adalah tanggungjawab penuh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan tidak diterima sebagai bukti penerimaan. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan, kerosakan, dan/atau kegagalan penerimaan penyertaan. Penganjur juga tidak bertanggungjawab atas sebarang ralat, peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan, akses tanpa kebenaran, atau perubahan pada komunikasi pengguna atau ahli. Selain itu, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah atau kegagalan teknikal yang melibatkan rangkaian telekomunikasi kami, talian, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel, atau gangguan pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan trafik di Internet.

3. Ketidaklayakan

Kumpulan individu berikut tidak layak menyertai Peraduan:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat kumpulannya serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan serta ahli keluarga terdekat mereka.

4. Penyertaan Tidak Sah

4.1 Penyertaan seperti berikut akan dibatalkan:

- (a) yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, sukar dibaca atau salah; dan/atau
- (a) yang melanggar Terma dan Syarat, undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

4.2 Penganjur juga berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang:

- (a) merosakkan atau cuba merosakkan kelancaran Peraduan dengan penipuan, penyelewengan; dan/atau
- (b) tidak layak atau gagal memberikan bukti kelayakan penyertaan untuk pengesahan oleh Penganjur apabila diminta.

4.3 Sekiranya berlaku pembatalan selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak menuntut semula Hadiah atau pembayaran nilai Hadiah daripada Peserta yang dibatalkan.

5. Hadiah

5.1 Penganjur, ejen, penaja, dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah dalam tempoh yang ditetapkan seperti tertulis dalam Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran. Penganjur berhak untuk menentukan bagaimana Hadiah tidak dituntut akan diuruskan.

5.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik, diberikan kepada pihak lain, ditukar, atau ditebus dalam bentuk lain selain daripada yang dinyatakan oleh Penganjur.

5.3 Segala kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual kepada Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah adalah tanggungan pemenang.

5.4 Hadiah perlu ditebus mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya, penaja, atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah tersebut. Sebarang perubahan, pindaan, atau tambahan kepada terma dan syarat adalah tertakluk kepada budi bicara penuh pihak yang berkenaan.

5.5 Hadiah diberikan dalam keadaan "seadanya". Peserta menerima risiko sepenuhnya apabila menggunakan Hadiah, dan Penganjur mengecualikan semua jaminan dan tanggungjawab seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

5.6 Hadiah mesti dituntut secara peribadi kecuali Penganjur menentukan kaedah tuntutan lain.

6. Publisiti

Penganjur berhak menggunakan penyertaan Peserta, termasuk tetapi tidak terhad kepada foto, lukisan,

teks, dan kandungan lain yang dihantar berkaitan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Bahan”), serta nama dan/atau imej Peserta, untuk tujuan pengiklanan, publisiti, dan promosi apa-apa barangan atau perkhidmatan Penganjur tanpa had masa di seluruh dunia, tanpa sebarang pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah memenuhi segala yang diperlukan untuk pelaksanaan ini jika diminta oleh Penganjur.

7. Hak Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek terhadap sebarang kandungan dan/atau bahan yang dihantar, dibuat, atau dicipta oleh Peserta berkaitan Peraduan, termasuk karya terbitan daripadanya, akan menjadi hak mutlak Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah bahan atau karya tersebut mengikut cara yang difikirkan sesuai tanpa sebarang pampasan kepada Peserta, dan Peserta melepaskan semua hak yang dimilikinya terhadap bahan atau karya tersebut.

8. Tanggungan Kerugian (Indemniti)

Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung rugi, melepaskan, dan memastikan Penganjur, syarikat induk, subsidiari, atau syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Ajinomoto (Malaysia) Bhd.”), pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja, dan/atau wakil tidak terjejas daripada sebarang kerugian, tuntutan, tindakan, dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung, dan akibat) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dalam Peraduan atau pelanggaran Terma dan Syarat.

9. Had Liabiliti

- 9.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 9.2 Penganjur, Ajinomoto (Malaysia) Bhd., pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja, dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung atau akibat, atau kecederaan peribadi yang dialami oleh Peserta disebabkan oleh penyertaan dalam Peraduan, serta penebusan dan/atau penggunaan Hadiah yang dimenangi.

10. Am

- 10.1 Penganjur, ejen, penaja, dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang kewajipan berkaitan Peraduan dan Terma dan Syarat sekiranya mereka tidak dapat melakukannya disebabkan oleh keadaan di luar kawalan dan tidak akan bertanggungjawab memberi sebarang pampasan kepada Peserta dalam keadaan tersebut.
- 10.2 Sebarang nama, tanda dagangan, atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan dalam mana-mana bahan (termasuk bahan promosi dan pemasaran) berkaitan Peraduan ini, khususnya berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak berafiliasi dengan, atau disokong atau ditaja oleh, pemilik yang berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 10.3 Peserta tidak berhak untuk memindahkan sebarang hak atau mensubkontrakkan mana-mana perkara yang dinyatakan di sini. Penganjur berhak memindahkan atau memberikan hak sepenuhnya atau sebahagian daripadanya kepada mana-mana pihak ketiga yang dianggap sesuai.

- 10.4** Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, atau menukar terma dan syarat peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada proses pemilihan pemenang, butiran hadiah, dan prosedur pengumuman pemenang, pada bila-bila masa tanpa notis awal. Sebarang perubahan yang dibuat adalah bertujuan untuk memastikan keadilan, pematuhan kepada syarat-syarat yang berkenaan, atau untuk menangani sebarang permasalahan yang tidak dijangka.
- 10.5 Sekiranya mana-mana terma ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan menjejaskan atau menafikan keberkesanan terma dan syarat lain dalam Peraduan ini.
- 10.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah ditafsirkan, ditadbir, dan diterjemahkan mengikut undang-undang Malaysia.

11. Notis Privasi

- 11.1 Dengan menyertai kempen ini dan menghantar penyertaan anda, anda memberikan persetujuan dan hak mutlak kepada Ajinomoto (Malaysia) Bhd. dan mana-mana syarikat induk, subsidiari, atau syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Ajinomoto (Malaysia) Bhd.") serta pembekal perkhidmatan, ejen, dan kontraktor yang menyediakan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa") (secara kolektif dirujuk sebagai "Penganjur", "kami" atau "kita") untuk memproses maklumat peribadi anda yang diberikan dalam Borang Penyertaan bagi tujuan kegunaan kempen ini. Ini termasuk mendedahkan nama anda secara awam apabila anda menjadi pemenang dalam kempen atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar, dan maklumat peribadi anda yang lain tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 11.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan pemasaran dan promosi tentang produk, perkhidmatan, sampel, promosi, acara, atau peraduan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju untuk penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini (jika ada).
- 11.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang ingin anda rujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah memperoleh persetujuan orang tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami serta untuk dihubungi oleh kami.
- 11.4 Bagi kanak-kanak atau individu yang tidak layak secara sah untuk memberikan persetujuan, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk mewakili pihak mereka dan memberikan persetujuan bagi pihak mereka untuk memproses maklumat peribadi mereka mengikut notis privasi ini.
- 11.5 Kadangkala, Penganjur mungkin melantik Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa ini secara kontrak terikat untuk mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan maklumat anda selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dengan cara lain selain daripada yang dinyatakan di sini.

- 11.6 Penganjur adalah sebuah syarikat global, dan maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan negara yang menerima data anda mempunyai undang-undang perlindungan maklumat peribadi yang serupa atau setara.
- 11.7 Setakat mana undang-undang berkenaan membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, mendapatkan salinan, mengemaskini, atau memperbetulkan maklumat peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan bertulis atau pertanyaan anda hendaklah dialamatkan kepada:

Hubungi: Pegawai Perlindungan Data Peribadi

Ajinomoto (Malaysia) Bhd. (4295-W)

Lot L1-E-5A and L1-E-5B, Technology Park Malaysia Enterprise, 4, Lebuhraya Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur

Atau hubungi kami di +6016 363 0118

Adalah dimaklumkan bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan peraduan. Tanpa maklumat tersebut, permohonan anda tidak dapat diproses

